ISSN: 0128-7680

Pertanika Journal of

SCIENCE & TECHNOLOGY

VOLUME 8 NO.2
JULY 2000

A scientific journal published by Universiti Putra Malaysia Press

Pertanika Journal of Science & Technology

About the Journal

Pertanika, the poineer journal of UPM, began publication in 1978. Since then, it has established itself as one of the leading multidisciplinary journals in the tropics. In 1992, a decision was made to streamline Pertanika into three journals to meet the need for specialised journals in areas of study aligned with the strengths of the univeristy. These ara **(i) Pertanika Journal of Tropical Agricultural Science, (ii) Pertanika Journal of Science and Technology (iii) Pertanika Journal of Social Science and Humanities**.

Aims and Scope

Pertanika Journal of Science and Technology welcomes full papers and short communications in English or Bahasa Melayu in the fields of chemisty, physics, mathematics and statistics, engineering, environmental control and management, ecology and computer science. It is published twice a year in January and July.

Articles must be reports of research not previously or simultaneously published in other scientific or technical journals.

Communications are notes of a significant finding intended for rapid publication. It should not exceed five double-spaced typerwritten pages and must be accompanied by a letter from the author justifying its publication as a communication.

Reviews are critical appraisals of literature in areas that are of interest to a broad spectrum of scientists and researchers. Review papers will be published upon invitation.

Submission of Manuscript

Three complete clear copies of the manuscript are to be submitted to

The Chief Editor
Pertanika Journal of Science and Technology
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel: 89486101 Ext: 1326; Fax (603)89416172

Proofs and Offprints

Page proofs, illustration proofs, the copy-edited manuscript and an offprint order form will be sent to the author. Proofs must be checked very carefully within the specified time as they will not be proofread by the Press editors.

Authors will receive 20 offprints of each article. Additional copies can be ordered from the Secretary of the Editorial Board by filling out the offprint order form.

Published by Universiti Putra Malaysia Press
ISSN No.: 0128-7680

PERTANIKA EDITORIAL OFFICE
Research Management Centre (RMC)
1st Floor, IDEA Tower II
UPM-MTDC, Technology Centre
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia
Tel: +603 8947 1622, 8947 1619, 8947 1616

Pertanika Journal of Science & Technology

Volume 8 No. 2, 2000

Contents

ISSN: 0128-7680
Pertanika J. Sci. & Technol. 8(2): 117-124 (2000)

Kesan Suhu dan Kadar Terikan ke atas Sifat Regangan Komposit Getah Asli Termoplastik (HDPE/NR) Berpenguat Gentian Karbon Pendek

Sahrim Hj. Ahmad dan Nor Hasimah Mohamed
Program Sains Bahan
Fakulti Sains Fizis dan Gunaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Received: 19 Julai 1999

ABSTRAK

Komposit getah asli termoplastik (TPNR) berpenguat gentian karbon dengan arah orientasi rawak telah dihasilkan dengan kaedah pengadunan leburan menggunakan gentian yang dirawat dengan asid sulfurik dan gentian tanpa rawatan. Kesan rawatan permukaan gentian, kadar terikan dan suhu terhadap sifat mekanik komposit TPNR dikaji pada pelbagai komposisi gentian (10% - 40%). Keputusan menunjukkan kekuatan regangan meningkat dengan penambahan gentian. Didapati kekuatan regangan juga meningkat dengan kadar terikan dari 10^{-3} hingga 10^{-1} s^{-1} dan menurun dengan peningkatan suhu persekitaran. Keputusan juga menunjukkan bahawa sifat mekanik komposit TPNR dengan gentian yang dirawat meningkat dengan peningkatan komposisi gentian berbanding dengan gentian tanpa rawatan. Mikrograf Mikroskop Imbasan Elektron (SEM) pada permukaan patah pula jelas menunjukkan terdapatnya pelekatan yang baik antara gentian dan matrik pada komposit TPNR yang dirawat asid sulfurik.

Kata kunci: getah asli termoplastik, komposit TPNR, gentian karbon, rawatan permukaan

ABSTRACT

Thermoplastic natural rubber (TPNR) composite was prepared using melt blending method. The TPNR composites have been made with carbon fibers with random planar orientation both with treated and untreated with 1M sulfuric acid. The effect of surface treatment on the carbon fibre, strain rate and temperature on mechanical properties of the composites at various fibre loading (10%-40%) was investigated. It was found that the tensile properties of surface treated carbon fibre TPNR composite increased linearly with fiber concentration and decreased as temperature increased. The tensile stress also increased linearly with strain rate from 10^{-3} to 10^{-1} s^{-1}. SEM micrograph on the fractured surface has shown that the sulfuric treated fibre had improved the fiber-matrix adhesion of TPNR.

Keywords: Thermoplastic natural rubber, TPNR composites, carbon fibre, surface treatment

PENGENALAN

Sifat mekanik polimer dan komposit dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kadar terikan dan suhu (Agbossu *et al.* 1994 & Hartingsveldt *et al.* 1991). Sifat komposit bergentian pendek dipengaruhi oleh antara muka gentian dan matrik. Big (1987) mendapati bahan penguat dalam bentuk gentian pendek dapat meningkat sifat mekanik sesuatu polimer kerana kebolehannya menahan beban tegasan yang dipindahkan daripada matrik polimer (Figueiredo *et al.* 1990). Kajian lepas (Krekel 1994) yang melibatkan rawatan asid-bes menunjukkan terhasilnya lekatan yang baik antara gentian dan matrik kerana ia dapat meningkatkan kekasaran gentian karbon dan seterusnya memperbaiki mod kegagalan (Donnet & Ehrburger 1977). Rawatan permukaan secara pengoksidaan akan menambahkan kumpulan berfungsi pada gentian dan seterusnya meningkatkan ketegaran di kawasan antara muka (Figueiredo *et al.* 1990). Kumpulan berfungsi seperti – COOH memberikan sumbangan pelekatan yang tertinggi pada permukaaan karbon (Krekel *et al.* 1993). Kekuatan lekatan melalui kumpulan berfungsi ini meningkat dengan peningkatan atom oksigen (Sawada *et al.* 1993).

Kajian tentang kesan suhu dan kadar terikan bagi kestabilan sifat mekanik adalah penting terutamanya untuk penggunaan dalam struktur komposit (Wu 1991). Gentian karbon tidak terjejas pada suhu kurang daripada 200°C. Sebaliknya kebanyakan bahan termoplastik akan mengalami perubahan rapuh-kenyal pada suhu yang agak tinggi yang dikenali sebagai suhu peralihan kaca, T_g (Cowley *et al.* 1997). Keadaan ini menjelaskan bahawa matrik polimer bergantung kepada suhu, dengan perubahan secara dramatik apabila menghampiri suhu peralihan kaca T_g. Modulus Young dan tegasan putus dalam kajian Nicolais *et al.* (1971) didapati berkurangan dengan peningkatan suhu. Pada kawasan suhu ini, sifat kelikatan bahan meningkat dan tindak balas mekanik polimer lebih bergantung pada kadar terikan (Detassis *et al.* 1995). Dengan demikian modulus Young dan kekuatan alah secara umumnya bergantung kepada kadar ujian yang digunakan (Hartingsveldt *et al.* 1991).

Kertas ini membincangkan kesan rawatan asid, kadar terikan dan suhu ke atas komposit bergentian karbon pendek yang dirawat dengan asid sulfurik.

KAEDAH

Bahan-bahan

Getah asli (NR) jenis SMR-L dibekalkan oleh Guthrie (M) Bhd.; Cecair getah asli (LNR) disediakan secara fotooksidaan oleh Jabatan Kimia, UKM; Polietilena berketumpatan tinggi (HDPE) jenis HMA-016 berketumpatan 0.956 gcm^{-3} dikeluarkan oleh Mobil (M) Sdn. Bhd; Gentian karbon daripada jenis PAN dibekalkan oleh Toray, dengan ± 6 mm panjang; Asid sulfurik berkepekatan 95-97% dibekalkan oleh Merck; Asid nitrik berkepekatan 69-71% dibekalkan oleh Fischer Inorganic, dan natrium hidroksida dibekalkan oleh Hamburg Chemicals dalam bentuk hablur.

Rawatan Gentian Karbon

Gentian dibasuh menggunakan air suling dan dikeringkan pada suhu 110°C selama dua jam. Asid sulfurik (1M) dipanaskan sebanyak 300 ml sehingga suhu mencapai 100°C. Selepas itu gentian seberat 30g direndam ke dalam asid sulfurik selama 1 jam. Gentian tersebut kemudiannya dibasuh dengan menggunakan 1M NaOH dan direflukskan dengan 1M NaOH selama 1 jam. Gentian dikeluarkan dan diekstrakkan dengan air suling dalam kelalang isipadu selama 5 hari. Gentian yang telah bersih dikeringkan pada suhu ambien (27°C) selama 2 hari sebelum digunakan.

Penyediaan Matrik TPNR

NR/HDPE diadun menggunakan Brabender PL 2000 dengan komposisi 60/40 menggunakan 10% LNR sebagai pengserasi. Adunan ini dilakukan pada suhu 135°C dengan kadar putaran 30 rpm selama 15 minit. Matriks TPNR kemudian dikisar dengan Refec Granulator PL 300S menjadi butiran halus.

Penyediaan Komposit TPNR

Gentian karbon terawat dan matrik TPNR dimasukkan ke dalam mesin pemutar Brabender dengan komposisi gentian (10%-40%) pada suhu 135°C dan kelajuan 11 rpm selama 11 minit.

Pencirian Bahan

Kekuatan regangan diukur dengan menggunakan alat Universal jenis Llyod PL 2000 buatan Sintech mengikut prosedur piawai ASTM D412 pada kelajuan 50 mm/min, 100mm/min, 500mm/min dan 900mm/min bagi sampel berbentuk "dumbell". Kekuatan hentaman diukur dengan menggunakan mesin bandul digital Universal Fractoscope berjenama Ceast 6545/000 mengikut prosedur piawai ASTM D256-88. Morfologi permukaan patah dikaji menggunakan Mikroskop Imbasan Elektron model XL 30 berjenama Philips.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Rajah 1 menunjukkan penambahan komposisi gentian sehingga 20% meningkatkan nilai tegasan maksimum komposit TPNR dan mengalami penurunan pada komposisi 30% dan 40%. Nilai tegasan adalah lebih tinggi pada komposit dengan gentian yang dirawat dengan asid sulfurik berbanding komposit dengan gentian tanpa rawatan. Keadaan ini terjadi kerana terdapat lekatan yang baik antara matrik TPNR dan gentian yang disebabkan wujudnya mekanisme ikatan kimia dan daya-daya tarikan (Figueiredo *et al.* 1990) oleh kumpulan berfungsi. Kumpulan berfungsi -OH pada permukaan gentian karbon terjana akibat rawatan asid sulfurik (Nakanishi *et al.* 1994). Pada komposisi yang lebih tinggi pula padatan gentian yang rapat menyebabkan matrik tidak dapat meresap di antara gentian dan seterusnya mengakibatkan kurang keberkesanannya terhadap bebanan (Karan 1991).



Rajah 1 : Histogram tegasan maksimum melawan komposisi gentian



Rajah 2 : Histogram modulus Young melawan komposisi gentian

Daripada pemerhatian pada Rajah 2 didapati penambahan gentian meningkatkan modulus Young. Peningkatan modulus Young ini adalah menepati teori penguat yang dicadangkan oleh Kerner (Nicolais *et al.* 1971). Nilai modulus Young komposit didapati meningkat dengan peratus gentian sehingga 20%. Peningkatan ini adalah didapati lebih tinggi pada komposit dengan gentian yang dirawat. Tetapi apabila nilai peratus gentian melebihi 20%, modulus Young komposit jatuh dengan ketara terutamanya bagi komposit dengan gentian yang dirawat. Keadaan ini berlaku kerana kekuatan regangan gentian berkurang apabila rawatan dilakukan ke atasnya (Wu *et al.* 1995). Oleh itu penambahan gentian yang dirawat melebihi 20% menyebabkan komposit mudah mengalami kegagalan apabila bebanan dikenakan kerana kecacatan permukaan yang dihasilkan.

Rajah 3 menunjukkan plot tegasan alah melawan kadar terikan. Daripada rajah tersebut didapati tegasan alah meningkat hampir linear dengan kadar terikan. Ini adalah sesuai dengan teori Eyring.



Rajah 3: Graf tegasan maksimum melawan kadar terikan pada suhu bilik

Rajah 4 menunjukkan tegasan maksimum juga meningkat dengan peningkatan kadar terikan yang dikenakan ke atas semua komposisi gentian. Pada kadar terikan yang rendah berlaku mekanisma canggaan yang disebabkan oleh proses terma. Mekanisma ini adalah dikawal oleh canggaan pada matrik dan tegasan akibat kehadiran gentian dan kumin hablur di dalam matrik (Agbossou *et al.*, 1994). Oleh itu kegagalan berlaku dengan mudah pada kadar terikan yang rendah. Menurut Abbossou *et al.* (1994), kadar terikan yang tinggi dikaitkan melalui model mekanik spring yang mengikuti hukum kelikatan Newton. Oleh itu mekanisma canggaan pada kadar terikan yang tinggi adalah berbeza daripada proses terma teraktif. Kajian yang dilakukan oleh Briscoe *et al.* (1985) menunjukkan tiada peningkatan di dalam aliran tegasan pada kadar terikan yang tinggi.



Rajah 4: Graf modulus Young melawan kadar terikan pada suhu bilik



Rajah 5: Graf tegasan maksimum melawan suhu

Rajah 5 menunjukkan tegasan maksimum menurun apabila suhu persekitaran ditingkatkan daripada 30°C ke 90°C. Nilai tegasan ini didapati lebih tinggi pada komposisi dengan gentian 20%. Disebabkan matrik TPNR mengalami canggaan apabila menghampiri suhu lebur T_m, iaitu pada suhu yang



Rajah 6: Graf modulus Young melawan suhu

(a) Suhu 50°C

(b) Suhu 70°C

(c) Suhu 90°C

Rajah 7: Mikrograf SEM komposit TPNR berpenguat gentian karbon pendek pada komposisi gentian 20% pada pembesaran 500 X

lebih tinggi terutamanya pada suhu 90°C, maka ini mengakibatkan lekatan antara gentian dan matrik menjadi lemah. Pada ketika ini daya penarikan keluar gentian daripada matrik dikurangkan (Cowley *et al.* 1997). Oleh yang demikian, didapati modulus Young komposit jatuh dengan ketara pada 90°C kerana kegagalan pada antara muka yang serius (Rajah 6). Corak penurunan nilai ini dapat diterangkan dengan mikrograf mikroskop imbasan elektron (SEM) pada Rajah 7 yang diperolehi dari komposit bergentian 20%. Rajah 7 menunjukkan gentian adalah melekat dengan kuat pada suhu 50°C.

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan sifat mekanik komposit TPNR menggunakan rawatan pengoksidaan secara pembasahan asid sulfurik ke atas gentian karbon pendek berjaya ditingkatkan. Kekuatan regangan komposit didapati meningkat dengan kadar terikan dan menurun dengan peningkatan suhu. Mikrograf SEM permukaan patah menunjukkan lekatan yang kuat di antara gentian dan matrik TPNR pada suhu 50°C.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada UKM dan kerajaan Malaysia melalui mekanisme IRPA 03-02-02-0007 dan IRPA 09-02-02-0074 kerana bantuan kewangan dan Che Moh Wan bagi menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

Agbossou, A., P. Mele and N. Alberola. 1994. Strain Rate and Coupling Agent Effect in Discontinuous Glass Fiber Reinforced Polypropylene Matrix. *Journal of Composite Materials* **28**(9): 821-836.

Big, D.M. 1987. Mechanical properties of particulate filled polymers. *Polymer Composites,* **8**: 115-122.

Briscoe, B. J. and R. W. Nosker. 1985. The flow stress of high density polyethylene at high rates of strain. *Polymer Communications* **26**: 307-308.

Bryan Harris. 1986. *Engineering Composite Material* vd. 1. London: The Institute of Metals.

Cowley, K. D. and P. W. R. Beaumont. 1997. The interlaminar and intralaminar fracture toughness of carbon fibre/ polymer composites: The effect of temperature. *Composite Science and Technology* **57**: 1433-1444.

Detassis, M., A. Pegoretti and C. Migliaresi. 1995. Effect of Temperature and Strain Rate on Interfacial Shear Stress Transfer I Carbon / Epoxy Model Composites. *Composites Science and Technology* **53**: 39-46.

Donnet, J. B. and P. Ehrburger. 1977. Carbon fibre in polymer reinforcement. *Carbon* **15**: 143-152.

Figueiredo, J. L., C. A. Bernardo, R. T. K. Baker and K. J. Hüttinger. 1990. *Carbon Fibres Filaments and Composites.* London: Kluwer Academic Publishers.

HARTINGSVELDT, E. A. A. V. and J. J. V. AARTSEN. 1991. Strain-rate dependence of interfacial adhesion in particle-reinforced polymers. *Polymer* **32**(8) : 1482-1487.

KARAN, G. N. 1991. Effect of fibre volume on tensile properties of real unidirectional fibre-reinforced composites. *Composites* **22**(2): 84-88.

KREKEL, G., K. J. HÜTTINGER and W. P. HOFFMAN. 1994. The relevance of the surface structure and surface chemistry of carbon fibers in their adhesion to high temperature thermoplastics: Part II Surface chemistry. *Journal of Materials Science* **29**: 3461-3468.

MÄDER, E. 1997. Study of fibre surface treatments for control of interphase properties in composites. *Composites Science and Technology* **57**: 1077-1088.

MOHD ISHAK, Z. A. and J. P. BERRY. 1993. Impact properties of short carbon fiber reinforced nylon 6.6. *Polymer Engineering and Science* **33**: 1483-1487.

NAKAO, F., Y. TANAKA and H. ASAI. 1992. Surface characterization of carbon fibres and interfacial properties of carbon fibre composites. *Composites* **23**: 365-372.

NICOLAIS, L. and M. NARKIS. 1971. Stress-strain behavior of styrene-acrylonitrile/glass bead composites in the glassy region. *Polymer Engineering and Science* **11**(3): 194-199.

SAWADA, Y., Y. NAKANISHI and T. FUKUDA. 1993. Effect of carbon fibre surface on interfacial adhesive strength in CFRP. *Composites* **24**: 573-579.

THOMASON, J. L. and M. A. VLUG. 1996. Influence of fibre length and concentration on the properties of glass fibre-reinforced polyethylene: 1. Tensile and flexural modulus. *Composites* **27A**: 477-484.

WU, H. F. 1991. Effect of temperature and strain rate on tensile mechanical properties of ARALL-1laminates. *Journal of Material Science* **26**:3721-3729.

ZIELKE, U., K. J. HÜTTINGER and W. P. HOFFMAN. 1996. Surface-oxidized carbon fibers: II. chemical modification. *Carbon* **34**: 999-1005.

ISSN: 0128-7680
Pertanika J. Sci. & Technol. 8(2): 125-135 (2000)

Rainfall in Sarawak

Alejandro Livio Camerlengo, Mohd. Azmi Ambak and Mohd. Nasir Saadon
Faculty of Applied Sciences and Technology
University Putra Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu, Malaysia

Received: 11 May 1999

ABSTRACT

The main objective of this study is to help understand, on a monthly basis, both the rainfall intensity and the distribution of rainy days in the state of Sarawak. Our results show that: (a) no direct correlation between the number of rainy days (the rainfall intensity) and the total amount of rainfall has been encountered, and (b) the rainfall intensity field is de-coupled from the number of rainy days distribution.

ABSTRAK

Objektif utama manuskrip ini adalah untuk memahami, dalam konteks bulanan, keamatan taburan hujan dan taburan hari hujan di negeri Sarawak. Keputusan kami menunjukkan bahawa: (a) tiada korolasi jelas antara jumlah hari hujan (keamatan taburan hujan) dengan jumlah keseluruhan taburan hujan yang dicatatkan, dan (b) keputusan keamatan taburan hujan adalah tidak berpasangan dengan keputusan untuk jumlah hari hujan.

Keywords: Sarawak, rainfall, inter-monsoon period, direct correlation

INTRODUCTION

Briefly, rainfall intensity is defined as the ratio between the total amount of monthly rainfall and the number of rainy days for that particular month. A rainy day may be defined as a specific day that rains more than 0.1 mm.

The aim of this study is to gain some understanding of Sarawak's rainfall distribution. To the authors' knowledge no previous undertaking of Sarawak' s rainfall has been done before. Therefore, our study represents the first of such an attempt.

Unfortunately, as of to-date, the only available rainfall data of Sarawak pertain to its west coast. That is to say, there are no rainfall data at further inland and its mountains. Therefore, our results are rather preliminary and should be viewed in that context. A clearer picture of Sarawak's rainfall distribution will emerge in the near future whenever more rainfall stations are installed and in doing so, a better and more accurate data set becomes available.

We have previously investigated both the monthly distribution of the number of rainy days and rainfall intensity in Peninsular Malaysia. In order to

make comparisons, the reader is addressed to that particular manuscript (Camerlengo & Somchit, 1998).

DATA

As in the Camerlengo and Somchit (1998) study, the rainfall data were obtained from the "Monthly Summary of Meteorological Observations" published by the Malaysian Meteorological Service (1982-96). In exactly the same way as in that particular study, the location of the stations as well as the name of each station is depicted in *Fig. 1* and Table 1, respectively.



Fig 1. Location of the stations

Table 1
Name of the stations used in this study

Number	STATION	Longitude °E	Latitude °N	Elevation (m)
1	STAPOK	110° 17'	01° 30'	13
2	ARC SEMOGOK	110° 18'	01° 24'	62
3	KUCHING	110° 20'	01° 29'	22
4	RAMPANGI	110° 20'	01° 41'	2
5	TARAT	110° 32'	01° 12'	12
6	SIBU	111° 58'	02° 15'	31
7	BINTULU	113° 02'	03° 12'	3
8	KARABUNGAN	113° 49'	03° 49'	12
9	KABULOH	113° 58'	04° 05'	48
10	MIRI	113° 59'	04° 20'	17
11	UKONG	114° 51'	04° 33'	26

DISCUSSION AND RESULTS

Monthly Pattern of Rainy Days

An important gradient of rainy days between Karabungan and Bintulu and a somewhat gentler gradient from Karabungan towards Ukong (the northernmost station) are recorded during the first month of the year. Furthermore, a larger number of rainy days is encountered at the southernmost part of Sarawak (*Fig. 2*). It may be stated that the January distribution of rainy days follows the same pattern as the January monthly rainfall (Camerlengo *et al.* 1999).



Fig 2. Number of rainy days in January in Sarawak

The retreat (southbound) of the NE monsoon may be attributable to the decrease of the number of rainy days recorded both in February and in March, where a milder gradient (compared to the antecedent month) between Karabungan and Bintulu still persists (*Figs. 3 & 4*). The same pattern as in the precedent month, larger (lesser) number of rainy days in the southern (northern) half, is observed.

As in the two precedent months, minimum number of rainy days is noticed in Karabungan in March. On the other hand, the largest number of rainy days is observed in Sibu during this particular month.

The end of the NE monsoon season makes the April distribution of rainy days to be somewhat more homogeneous than the one of the three previous months (*Fig. 5*). In particular, similar number of rainy days is observed at Ukong and south of Bintulu.



Fig 3. Number of rainy days in February in Sarawak



Fig 4. Number of rainy days in March in Sarawak

The first inter-monsoon period, represented by the poleward migration of the area of convergence ahead of the SE monsoon, is in May. In such instances, larger values of total rainfall are observed both in Peninsular Malaysia and in Sabah during this particular month (Dale 1959; Nieuwolt 1981). However, this feature is not noticed in Sarawak where there is no significant difference between both the April and the May total amount rainfall (Camerlengo *et al.*,

1999). This same situation prevails in the number of rainy days pattern of these two months.



Fig 5. Number of rainy days in April in Sarawak

June is one of the driest months in Peninsular Malaysia. A slight decrease of rainfall, although not significant, is also observed during this particular month in Sarawak. This is also reflected in the respective distribution of rainy days where an abatement is also recorded (*Fig. 6*).



Fig 6. Number of rainy days in June in Sarawak

In spite of the fact that the July total amount of rainfall in both Rampangi and Tarat is somewhat similar, a significant gradient of the frequency (percentage) of rainy days is recorded between these two stations during this particular month.

Contrary to expectations, due to the fact that an increase of monthly rainfall is noticed in the southernmost part of Sarawak in August, a slight decrease in the frequency of rainy days is recorded in this particular area (*Fig. 7*). At the same time, an increase in the number of rainy days is noticed north of Sibu in August, where similar behavior is recorded in its monthly rainfall pattern. This may largely be attributable to the finalization of the SW monsoon season where both fields, total precipitation and number of rainy days, are quite homogeneous all along Sarawak.



Fig 7. Number of rainy days in August in Sarawak

Not a significant change is observed in the distribution of the number of rainy days during the following month, where a similar situation is observed in its monthly rainfall (*Fig. 8*).

The passage of the other inter-monsoon period is largely responsible for the significant increase of rainfall in October in Sarawak (Camerlengo *et al.* 1999). As expected, a similar situation is recorded in the number of rainy days pattern where the larger frequency of rainy days is observed at both the north and the south extremes of Sarawak (*Fig. 9*).

The onset of the NE monsoon may be attributable to the further increase of the number of rainy days in November all across Sarawak where larger values are recorded primarily (secondarily) in its southernmost part (northernmost station) (*Fig. 10*). A dissimilar situation is recorded in the monthly rainfall distribution where a maximum value is observed at Ukong and somewhat lesser

values at the southern part of Sarawak. However, in both fields, a minimum value is perceived at Karabungan.



Fig 8. Number of rainy days in September in Sarawak



Fig 9. Number of rainy days in October in Sarawak

A larger number of rainy days is observed south of Bintulu in December (*Fig. 11*). As in all the previous months, a minimum value is perceived at Karabungan.



Fig 10. Number of rainy days in November in Sarawak



Fig 11. Number of rainy days in December in Sarawak

On an annual basis, larger values are recorded south of Bintulu and a significant minimum value is reported at Karabungan where the number of rainy days are approximately 60 % of the ones observed at Tarat (*Fig. 12*). The number of rainy days increases significantly from Karabungan towards Ukong.



Fig 12. Number of rainy days on an annual basis in Sarawak

Distribution of Rainfall Intensity

A primary (secondary) maximum of rainfall intensity is noticed at the southern tip of Sarawak (in Ukong) in January (Table 2). Nevertheless, a minimum value is reported at Miri.

Table 2
Monthly rainfall intensity in Sarawak

STATION	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Annual
STAPOK	29	25	19	16	14	17	13	18	14	17	16	22	19
ARC SEMOGOK	22	20	18	15	14	12	14	14	15	14	15	19	16
KUCHING	26	22	18	14	13	14	12	15	13	15	15	20	17
RAMPANGI	38	26	24	13	13	17	18	15	16	14	16	32	22
TARAT	21	17	21	16	14	13	9	17	15	15	18	18	16
SIBU	15	14	17	14	13	14	11	13	13	14	13	15	14
BINTULU	18	16	17	12	13	17	15	18	14	15	19	18	16
KARABUNGAN	16	15	25	19	17	14	14	15	19	16	17	21	17
KABULOH	13	10	10	15	14	14	12	11	12	13	16	17	13
MIRI	12	10	12	12	14	14	14	14	18	15	14	17	14
UKONG	17	18	14	14	16	15	16	15	17	17	19	17	16

It is interesting to notice that the rainfall intensity at Karabungan is identical to the one of Bintulu. This, in spite of the fact that that the total amount of rainfall in the latter station almost doubles the one of the former station for this particular month.

Although preserving a similar pattern as in the previous month, a decrease of intensity is observed in February. However, a significant abatement of total rainfall is noted south of Bintulu in this particular month.

Rampangi (Kabuloh) represents the maximum (minimum) rainfall intensity in March.

It is interesting to observe that the total rainfall of March of Karabungan doubles the one of Kabuloh. (These two stations are separated by only a few km.) A similar situation is observed in the rainfall intensity distribution.

In spite of the fact that a minimum number of rainy days is recorded at Karabungan in April, maximum rainfall intensity is observed in this particular month. Therefore, it may be stated that the rainfall intensity field is de-coupled from the number of rainy days.

The April rainfall of both Karabungan and Bintulu is similar. Nevertheless, the rainfall intensity in the former station is considerably larger than in the latter. This points out to the fact that there is no direct correlation between rainfall intensity and total precipitation.

A somewhat uniform rainfall intensity pattern (compared to the previous months) is observed in May. However, the same situation as in April prevails where a maximum value is recorded at Karabungan. Furthermore, a secondary maximum is also perceived at Ukong.

With the exception of the southern tip of Sarawak where a large disparity of intensity values is reported, not a significant change in the intensity field is observed in June.

It is interesting to observe that the June rainfall intensity field is rather more homogeneous than both the total rainfall and the number of rainy day fields for this particular month.

A considerable decrease of rainfall intensity is noticed at the southern tip of Sarawak in July, where a minimum value is reported at Tarat. On the other hand, a maximum value is observed at Ukong, the northernmost station of Sarawak.

The July rainfall of Bintulu is 80 % higher than that of Karabungan (Camerlengo *et al.*, 1999). However, the rainfall intensity at both stations is practically similar for this particular month.

While the rainfall intensity increases in August in the southern tip of Sarawak, maximum values are observed at Bintulu and Stapok.

A large gradient of rainfall intensity is recorded between two neighboring stations, Karabungan and Kabuloh, where both extremes - maximum and minimum - are recorded in September.

It is also interesting to notice that in spite of the fact that the monthly rainfall in Ukong (293 mm), is considerably larger than in Karabungan (223 mm), rainfall intensity in the latter station is somewhat larger than in the former. Again, no direct correlation between rainfall intensity and total monthly precipitation may be established.

October's as well as September's rainfall intensity is confined to a very limited range of values.

In spite of the fact that the October rainfall is larger than that in the antecedent month, not a significant change in the rainfall intensity field of these two months is observed.

Maximum values of rainfall intensity reported in both Bintulu and Ukong in November are a direct consequence of the larger values of the total amount of precipitation observed in these two stations during this particular month. On the other hand, a minimum of rainfall intensity is recorded at Sibu.

A slight increase of intensity values is reported north of Bintulu while no significant changes are reported south of this station during this particular month.

An important increase in rainfall intensity is reported in the southern tip of Sarawak where larger values of precipitation are reported during December.

Annually, the southernmost part of Sarawak registers the larger values of rainfall intensity in correspondence with the larger values of annual rainfall observed in that area.

CONCLUSION

The main conclusions of this study may be summarized as follows:

1. There is no significant direct correlation between the number of rainy days and the total amount of rainfall for a given month.
2. The rainfall intensity field is de-coupled from the number of rainy days distribution, and
3. No significant direct correlation between rainfall intensity and total amount of precipitation for a given month has been encountered.

ACKNOWLEDGMENTS

This study was supported by an IRPA grant. Our thanks are also extended to the Malaysian Meteorological Service for providing us the necessary data to carry out this investigation.

REFERENCES

Camerlengo, A. L and N. Somchit. 1998. Monthly and rainfall variability in Peninsular Malaysia. *Pertanika J. of Sci. & Technol.* 8(1). 73-83.

Camerlengo, A. L., M. Nasir S., M. Azmi Ambak. and N. Somchit. 1999: On the monthly distribution of precipitation in Sarawak. *Pertanika J. of Sci & Technol.* in press.

Dale, W. L. 1959. The rainfall in Malaya, Part I. *J. Trop. Geogr.* **13:** 23-37.

Malaysian Meteorological Service: Monthly Summary of Meteorological Observations (1982-96) issued under the authority of the Director General, Malaysian Meteorological Service, Petaling Jaya, Malaysia.

Nieuwolt, S. 1981. The climates of the Continental Southeast Asia, Chapter 1. In *World Survey of Climatology* eds. Takahasi and Arakawa, p. 1-37. Elsevier Scientific Publishing Co.

ISSN: 0128-7680
Pertanika J. Sci. & Technol. 8(2): 137-147 (2000)

Sifat Mekanik Berkas Vaskular Batang Kelapa Sawit

Asmaliah Saroji dan K.O. Lim
Pusat Pengajian Sains Fizik, Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, Malaysia

Received: 12 Mei 1999

ABSTRAK

Penyelidikan dijalankan untuk mengkaji kaitan antara sifat tegasan-terikan berkas vaskular batang kelapa sawit dengan peratus kelembapannya dan juga kaitan antara sifat mekanik tersebut dengan mikrostruktur berkas vaskular berdasarkan ciri graf tegasan-terikan yang diperolehi. Hasil menunjukkan bahawa semua berkas vaskular yang diuji menghasilkan 3 zon canggaan iaitu zon lengkuk hampir linear, zon plato dan akhirnya zon garis linear. Kewujudan zon plato itu kemudiannya diterangkan dengan merujuk kepada mikrostruktur berkas vaskular yang dikaji. Dengan kewujudan zon plato itu, lengkuk tegasan-terikan dapat dicirikan dengan 2 modulus elastik iaitu modulus awal dan modulus akhir. Modulus akhir didapati lebih tinggi berbanding dengan modulus awal dan ini menunjukkan bahawa berkas vaskular telah menjadi lebih tegar selepas zon plato terbentuk. Didapati juga sifat tegasan maksimum dan modulus akhir meningkat apabila kelembapan berkas vaskular berkurang.

ABSTRACT

The objective of the project is to investigate the relationship between the stress-strain characteristics of oil palm trunk vascular bundles and its moisture content. Based on the stress-strain graphs, the mechanical characteristics are then related to the microstructure of the vascular bundles. The results show that for all samples tested, 3 zones of deformation are found i.e an initial zone that is slightly curving, a plateau zone and finally a linear zone. The existence of the plateau zone is then explained in terms of the vascular bundle microstructure. As a result of the presence of the plateau zone, the stress-strain curve is then described by 2 modulus of elasticity i.e the initial modulus and final modulus. The final modulus was found to be higher than the initial modulus thus indicating that the vascular bundles become stiffer after encountering the plateau zone. The maximum stress and final modulus of the vascular bundles were found to increase when the moisture content of the vascular bundles decreased.

Kata kunci: sifat mekanik, berkas vaskular, batang kelapa sawit

PENGENALAN

Kajian ke atas sifat batang kelapa sawit termasuk sifat mekanik telah mula dijalankan semenjak ladang kelapa sawit perlu melalui proses penanaman semula. Ini adalah kerana jumlah penghasilan batang dan pelepah pokok kelapa sawit meningkat dari setahun ke setahun. Oleh itu, kajian-kajian ke atas

sifat bahan buangan ini giat dijalankan seperti mengkaji sifat fizikal, sifat kimia, dan juga sifat mekanik. Kajian ke atas sifat mekanik batang kelapa sawit telah mula dijalankan seawal tahun 1985.

Jadual 1 menunjukkan perbandingan beberapa sifat mekanik batang kelapa sawit dengan beberapa spesis batang pokok. Killmann & Lim (1985) mendapati kekuatan lentur batang pokok kelapa sawit secara amnya rendah berbanding dengan spesis lain tetapi setanding dengan batang pokok kelapa. Nilai tertinggi dicapai pada kawasan periferal bahagian bawah batang manakala kawasan pusat bahagian atas batang menunjukkan nilai kekuatan yang paling rendah.

Corak yang sama juga diperhatikan pada sifat kekuatan kemampatan. Nilai bagi batang kelapa sawit sangat rendah berbanding spesis lain tetapi setanding dengan batang pokok getah (Killmann & Lim 1985).

Walau bagaimanapun, nilai kekerasan bagi batang kelapa sawit adalah rendah berbanding dengan semua spesis kayu yang diuji, termasuklah batang pokok getah dan pokok kelapa tetapi ia agak setanding dengan 'Norway spruce' dan kayu poplar (Killmann & Lim 1985).

Pada masa ini, telah ada beberapa produk yang dihasilkan daripada batang kelapa sawit seperti *medium density fibreboard (MDF), mineral-bonded particleboard, blockboard, plywood* dan perabot (Chew *et al.* 1991), namun banyak yang masih berada di tahap kurang memuaskan kerana terdapat pelbagai masalah untuk menghasilkan produk-produk tersebut. Oleh itu, satu penyelidikan telah dimulakan untuk mengkaji sifat mekanik berkas vaskular batang kelapa sawit dengan harapan bahawa sifat tersebut akan dapat menyumbang kepada pemahaman tentang prestasi produk yang dihasilkan daripada batang kelapa sawit.

JADUAL 1
Perbandingan ciri-ciri *Elaeis guineensis* dengan beberapa spesis

Spesis	Ketumpatan (kering ketuhar) (kg/m^3)	Modulus elastik (Mpa)	Modulus patah (Mpa)	Kekerasan (N)
Kelapa sawit (30 tahun)	220-550	800-8000	8-45	350-2450
kelapa (60 tahun)	250-850	3100-11400	26-105	520-4400
pokok tamar	410	1719-2745	11-23	2000
Norway spruce	300-640	11000	66	2140
Beech	490-880	16000	105	5650
Poplar	360-560	8300	76	2500
Cengal	820	19600	149	9480
Kapur	690	13200	73	5560
D.R. Meranti	540	12700	71	3960
Kayu getah	530	8800	58	4230

Sumber: Killmann & Lim (1985)

BAHAN DAN KAEDAH

Untuk melaksanakan projek ini, berkas vaskular batang kelapa sawit yang telah tua dan yang baru ditebang digunakan. Berkas vaskular diambil secepat mungkin dari 3 segmen mengikut ketinggian (kawasan pucuk, tengah, dan pangkal) dan mengikut kedalaman batang iaitu luaran dan dalaman.

Oleh itu, projek ini mempunyai 6 segmen yang diuji. Bagi setiap segmen, sekurang-kurangnya 4 set berkas vaskular diambil untuk dikaji sama ada sifat mekaniknya berubah berbanding nilai kelembapan. Nilai kelembapan diambil dengan cara membiarkan berkas vaskular kering pada suhu bilik selama beberapa hari. Untuk setiap set, berkas vaskular dikeringkan dengan jumlah hari yang berlainan supaya setiap set mempunyai nilai kelembapan yang berlainan. Nilai kelembapan ditentukan dengan cara mengeringkan sampel di dalam alat analisis kelembapan sehingga berat sampel tidak lagi berubah. Perbezaan berat sampel sebelum dan selepas pengeringan diambil sebagai nilai kelembapan sampel.

Ujikaji dijalankan dengan menggunakan mesin ujian tegangan model LR5K dari LLOYD Instruments Ltd. Daripada ujian ini, data daya maksimum dan pemanjangan maksimum yang sepadan dihasilkan. Untuk mengira tegasan, luas keratan rentas berkas vaskular yang telah dicangga hingga putus perlu dicari. Ini dilakukan dengan memotong berkas vaskular sedekat mungkin dengan kawasan yang patah untuk mendapatkan keratan rentasnya. Kemudian kepingan berkas vaskular tersebut diletakkan di atas kaca slaid dan dibalut dengan loytape. Imej keratan rentas berkas vaskular diperbesarkan dahulu dengan menggunakan mikroskop sebelum gambarnya dirakamkan dengan menggunakan kamera. Selepas itu, luas keratan rentas dicari dengan teknik surihan iaitu dengan menggunakan kertas surih dan menyurih luas ke atas gambar keratan rentas berkas vaskular yang telah diperbesarkan itu. Teknik ini digunakan kerana bentuk keratan rentas berkas vaskular tidak simetri. Kemudian tegasan dan terikan boleh ditentukan dan hubungan di antara parameter tersebut dapat diplotkan supaya modulus elastik berkas vaskular dapat ditentukan.

Mikrostruktur berkas vaskular pula dikaji dengan menggunakan mikroskop pengimbas elektron (SEM) mengikut peringkat-peringkat yang terbentuk dalam graf tegasan-terikan. Peringkat-peringkat tersebut ialah: (1) berkas vaskular mentah (kawalan), (2) ketika di zon plato, (3) selepas zon plato dan (4) selepas sampel putus. Kajian ini bertujuan untuk melihat sebarang perubahan yang berlaku ke atas mikrostruktur berkas vaskular apabila ujian tegangan dikenakan ke atasnya. Penyediaan sampel untuk kajian mikrostruktur ini dilakukan dengan cara mengoyak secara membujur berkas-berkas vaskular yang telah dikenakan ujian mengikut peringkat di atas tanpa menggunakan sebarang alat untuk mengelakkan kerosakan pada mikrostrukturnya. Kemudian sampel dilapisi dengan emas mengikut prosedur piawai sebelum diimbas di bawah mikroskop elektron.

Keputusan eksperimen ditunjukkan di dalam Jadual 2 dan 3. Takrifan untuk keputusan yang ditunjukkan dalam jadual-jadual tersebut adalah seperti berikut:

JADUAL 2

Modulus awal, modulus akhir, terikan maksimum, dan panjang zon plato bagi segmen-segmen terpilih dengan peratus kelembapan awal yang berlainan

segmen / % kelembapan	mod.awal (x 10^9 Nm^{-2})	mod.akhir (x 10^9 Nm^{-2})	terikan maks (%)	panjang zon. plato (%)
2O(2) / 21.22	0.73 ±0.07	1.04 ±0.23	7.43 ±0.42	8.52 ±0.84
2O(1) / 11.20	0.87 ±0.11	1.54 ±0.21	6.44 ±0.27	10.21 ±0.73
2O(3) / 9.08	0.95 ±0.04	1.66 ±0.06	6.65 ±0.35	9.44 ±1.21
2O(4) / 8.71	1.26 ±0.14	2.24 ±0.20	5.54 ±0.25	10.65 ±0.57
2O(5) / 8.42	1.32 ±0.22	2.45 ±0.30	6.17 ±0.53	9.15 ±0.60
2I(1) / 40.29	1.15 ±0.07	1.35 ±0.06	7.18 ±0.43	10.18 ±0.99
2I(3) / 38.85	1.21 ±0.12	1.55 ±0.16	6.45 ±0.40	12.56 ±0.33
2I(2) / 16.71	1.08 ±0.09	1.24 ±0.10	7.05 ±0.32	11.01 ±0.96
2I(4) / 10.24	1.18 ±0.12	1.50 ±0.19	8.22 ±0.54	9.22 ±0.43
7O(1) / 61.79	0.55 ±0.03	1.17 ±0.11	6.87 ±0.35	11.09 ±0.57
7O(2) / 54.87	1.17 ±0.07	1.92 ±0.12	5.28 ±0.20	11.87 ±0.58
7O(3) / 44.64	0.82 ±0.08	1.40 ±0.14	6.52 ±0.21	10.17 ±1.03
7O(4) / 8.16	1.00 ±0.09	1.96 ±0.17	6.46 ±0.33	9.61 ±0.56
7I(2) / 45.40	0.95 ±0.10	1.11 ±0.15	8.21 ±0.27	8.35 ±0.23
7I(1) / 44.64	0.78 ±0.11	0.86 ±0.13	7.46 ±0.45	11.56 ±1.22
7I(3) / 29.57	1.10 ±0.07	1.13 ±0.07	6.94 ±0.16	10.72 ±0.44
7I(4) / 7.71	0.93 ±0.08	1.43 ±0.15	6.32 ±0.36	9.73 ±1.64
13O(1) / 36.2	0.80 ±0.02	3.39 ±0.25	6.33 ±0.34	9.34 ±0.33
13O(3) / 24.7	0.76 ±0.08	2.87 ±0.34	7.14 ±0.38	8.98 ±0.35
13O(2) / 10.0	0.96 ±0.08	4.09 ±0.35	7.20 ±0.36	8.32 ±0.79
13O(4) / 8.32	1.18 ±0.11	4.65 ±0.25	6.66 ±0.44	8.58 ±0.56
13I(1) / 52.95	0.87 ±0.08	1.29 ±0.10	7.13 ±0.17	9.17 ±0.37
13I(2) / 40.43	0.94 ±0.09	1.36 ±0.15	6.67 ±0.42	9.19 ±1.22
13I(3) / 38.96	1.11 ±0.07	1.82 ±0.18	6.24 ±0.47	11.01 ±1.12
13I(4) / 9.85	1.21 ±0.15	2.29 ±0.45	7.35 ±0.23	8.16 ±0.57
13I(5) / 9.75	1.63 ±0.17	2.02 ±0.22	5.56 ±0.43	11.36 ±0.80

Keterangan simbol segmen:
contoh :- 13I(5) : 13 - bahagian batang (13-pangkal, 7-tengah, 2-pucuk)
I - zon batang (O-luaran, I-dalaman)
(5) - set kelima berkas vaskular dengan kelembapan awal tertentu

- Modulus awal: modulus awal dikira daripada kecerunan pada titik asalan graf tegasan lawan terikan
- Modulus akhir: modulus akhir dikira daripada kecerunan pada titik kepatahan berlaku graf tegasan lawan terikan
- % terikan maksimum, E_{max} = pemanjangan maksimum / panjang asal
  $= (\Delta l_{max} / l_0) \times 100$
  dengan l_0 = panjang asal dan Δl_{max} = pemanjangan maksimum

- % panjang zon plato = (terikan zon plato/terikan maksimum) x 100
  = panjang zon plato sebagai peratus pemanjangan maksimum
- Tegasan ketika plato, tegasan maksimum, dan daya maksimum diambil terus dari graf yang terhasil. Tegasan, σ dianggap sebagai tegasan sebenar kerana luas keratan rentas sampel dikira selepas canggaan dikenakan.
- Luas dikira dengan teknik yang telah disebut dalam bahagian kaedah.
- Setiap data yang ditunjukkan adalah data purata dari 5 sampel yang diuji.

JADUAL 3

Tegasan, σ ketika plato, luas keratan rentas purata, tegasan maksimum, dan daya maksimum bagi segmen-segmen terpilih dengan peratus kelembapan yang berlainan

segmen / % kelembapan	σ (ketika datar) (x 10^6 Nm^{-2})	tegasan maks (x 10^6 Nm^{-2})	luas A, (x 10^{-7} m^2)	Daya maksimum F, (N)
2O(2) /21.22	29.20 ±2.31	56.17 ± 2.78	7.60 ±0.10	42.62 ±1.12
2O(1) /11.20	31.20 ±3.27	67.02 ±12.07	6.57 ±0.46	41.93 ±4.65
2O(3) / 9.08	35.20 ±2.82	75.42 ± 6.18	6.20 ±0.09	46.83 ±4.04
2O(4) / 8.71	37.60 ±1.94	81.16 ±16.03	5.56 ±0.28	43.66 ±5.98
2O(5) / 8.42	40.80 ±6.17	94.73 ± 3.72	5.66 ±0.54	52.89 ±3.59
2I(1) / 40.29	38.00 ±1.7	81.55 ± 6.71	5.20 ±0.30	42.59 ±4.78
2I(3) / 38.85	49.20 ±5.12	73.72 ± 8.99	4.45 ±0.28	31.99 ±2.35
2I(2) / 16.71	43.20 ±1.77	71.99 ± 3.72	4.95 ±0.23	35.36 ±1.79
2I(4) / 10.24	44.20 ±6.05	102.57 ± 6.45	5.53 ±0.54	55.64 ±3.17
7O(1)/ 61.79	22.50 ±1.88	51.95 ± 4.04	8.99 ±0.52	46.09 ±2.55
7O(2)/ 54.87	36.00 ±2.17	67.71 ± 3.70	6.15 ±0.43	41.32 ±2.84
7O(3)/ 44.64	25.20 ±2.35	64.31 ± 4.93	8.21 ±0.43	52.06 ±2.87
7O(4)/ 8.16	28.20 ±3.71	81.70 ±11.03	6.86 ±0.51	53.89 ±4.02
7I(2) / 45.40	33.40 ±2.71	80.85 ± 7.00	6.10 ±0.78	47.26 ±2.38
7I(1) / 44.64	30.90 ±3.63	55.96 ± 9.00	6.89 ±0.91	35.63 ±3.42
7I(3) / 29.57	35.00 ±1.34	74.48 ± 3.81	5.93 ±0.22	43.98 ±1.95
7I(4) / 7.71	33.40 ±1.6	62.97 ± 6.96	5.50 ±0.34	34.87 ±4.68
13O(1)/ 36.2	23.40 ±1.99	106.69 ± 7.49	9.41 ±0.60	99.24 ±5.54
13O(3)/ 24.7	24.80 ±2.57	105.64 ±10.3	10.20 ±0.86	104.27 ±2.43
13O(2)/ 10.0	28.00 ±1.73	147.81 ±11.4	8.16 ±0.17	120.00 ±7.48
13O(4)/ 8.32	33.00 ±2.09	153.90 ±15.4	6.97 ±0.28	106.67 ±10.49
13I(1)/ 52.95	26.80 ±3.28	71.60 ± 6.37	7.59 ±0.81	53.09 ±4.05
13I(2)/ 40.43	30.60 ±3.09	72.21 ± 3.82	7.58 ±0.33	54.39 ±2.94
13I(3)/ 38.96	33.40 ±1.78	85.06 ± 8.81	6.52 ±0.38	54.61 ±4.33
13I(4)/ 9.85	35.00 ±3.55	113.01 ±10.9	5.83 ±0.24	65.60 ±5.82
13I(5)/ 9.75	34.40 ±5.33	83.98 ±14.25	6.91 ±0.51	55.87 ±7.37

Daripada Jadual 2 dan 3, hubungan antara tegasan dan terikan dapat dibuat seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Didapati bahawa lengkuk tegasan-terikan tidak mematuhi Hukum Hooke tetapi secara umumnya ia boleh dibahagi kepada 3 zon seperti berikut:



Rajah 1: Graf tegasan lawan terikan bagi sampel 13I 1(3).

Terdapat tiga zon yang nyata iaitu zon I, zon II, dan zon III.

a) Zon lengkuk hampir linear (zon I)
Secara keseluruhan, garis graf di kawasan ini kecuali di bahagian awalan, pemanjangan berlaku lebih cepat apabila berkas vaskular dicangga. Ini menunjukkan pemanjangan mudah berlaku tanpa mengenakan daya yang besar.

b) Zon plato (zon II)
Zon plato ditakrifkan sebagai kawasan tegasan malar terhadap terikan. Keadaan ini wujud bagi semua sampel yang diuji tetapi tidak semua plato mempunyai bentuk yang lurus mengufuk. Kebanyakan plato berbentuk mendatar tetapi ada juga sebahagian kecil yang melengkuk sedikit ke atas atau ke bawah terutamanya di hujung zon plato. Walau bagaimanapun, peratus panjang plato tidak menunjukkan sebarang corak peningkatan atau penurunan. Nilainya berbeza-beza dan mempunyai julat dari 8.16% hingga 12.56% sahaja.

c) Zon garis linear (zon III)
Pada kawasan ini, hampir semua sampel menunjukkan kelinearan antara tegasan dan terikan. Ia seolah-olah mematuhi Hukum Hooke yang mana tegasan berkadar terus dengan terikan. Tegasan bertambah selari dengan terikan sehingga kepatahan berlaku.

Penyelidikan mikrostruktur berkas vaskular dijalankan mengikut peringkat-peringkat seperti yang telah disebut dalam bahagian kaedah. Imej yang telah dirakamkan dari mikroskop pengimbas elektron ditunjukkan dalam Rajah 2(a-e).

Daripada imej yang telah dirakamkan, mikrostruktur dalaman berkas vaskular batang kelapa sawit tidak menunjukkan sebarang perubahan yang ketara tetapi pemerhatian dapat ditumpukan pada keadaan xilem kerana hanya struktur xilem sahaja yang menunjukkan sedikit perubahan. Walau bagaimanapun, rupa bentuk xilem tidak seiras antara satu sama lain kerana ujian dilakukan ke atas berkas vaskular yang berbeza.

Rajah 2a menunjukkan struktur xilem bagi berkas vaskular yang tidak dikenakan sebarang ujian. Ia berfungsi sebagai kawalan iaitu untuk dibandingkan dengan mikrostruktur berkas vaskular yang lain. Rajah itu menunjukkan struktur xilem yang tersusun rapi kerana tiada canggaan dibuat ke atasnya.



Rajah 2a: Mikrostruktur berkas vaskular kawalan
Skala: 2.2 cm = 50 μm

Rajah 2b menunjukkan xilem kelihatan seperti meregang sedikit. Sungguhpun demikian, wujudnya ketidakpastian di sini kerana sampel dicerap selepas ujian dihentikan secara tiba-tiba. Sebaliknya apa yang dilihat mungkin memang merupakan apa yang berlaku di zon plato.

Rajah 2b: Mikrostruktur berkas vaskular ketika di zon plato
Skala: 2.2 cm = 50 μm

Rajah 2c menunjukkan struktur xilem yang telah mengalami kerosakan yang mana ia telah terkoyak pada satu bahagian. Di sini juga terdapat kemusykilan iaitu sama ada ia terkoyak kerana canggaan atau terkoyak semasa pengoyakan keratan membujur. Walau bagaimanapun, didapati hanya xilem sahaja yang terusik sedangkan jiran-jirannya tidak mengalami sebarang perubahan.

Rajah 2d menunjukkan kawasan berkas vaskular yang telah putus. Didapati permukaannya tidak rata sama sekali dan terdapat kesan-kesan gentian halus mengalami canggaan. Di sini, xilem tidak dapat diperhatikan manakala Rajah 2e menunjukkan keratan rentas berkas vaskular pada pembesaran 130 kali. Berkas vaskular tersebut mengandungi satu vessel besar, floem dan gentian.

Rajah 2c: Mikrostruktur berkas vaskular sebelum putus
Skala: 2.2 cm = 50 μm

Rajah 2d: Mikrostruktur berkas vaskular selepas putus
Skala: 2.2 cm = 50 μm



Rajah 2e: Keratan rentas berkas vaskular
Skala: 2.3 cm = 200 μm

PERBINCANGAN

Graf Tegasan-Terikan

Daripada penyelidikan mikrostruktur berkas vaskular dengan menggunakan SEM, sungguhpun tidak begitu ketara tetapi masih dapat diperhatikan adanya sedikit perubahan pada struktur dalaman. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa lengkuk graf tegasan-terikan yang terbahagi kepada 3 zon itu adalah disebabkan oleh mikrostruktur berkas vaskular itu sendiri.

